

Selisih Arah Qiblat

Oleh:
Firdaus bin Yahya

Pendahuluan

Menentukan arah qiblat merupakan satu perkara yang penting, terutama dalam pembinaan masjid dan surau. Sebelum timbulnya teknologi moden dalam menentukan kedudukan latitud dan longitud secara tepat (seperti penggunaan theodolite dan GPS), menentukan arah qiblat dengan tepat merupakan satu perkara yang hampir mustahil bagi kedudukan yang jauh dari Mekkah.

Maka, sering didapati beberapa buah masjid dan surau lama dibina dengan kedudukan qiblat yang agak berbeza dengan arah qiblat sebenar. Contoh yang ketara di Singapura adalah arah qiblat sebuah masjid lama. Melalui perkiraan yang dilakukan penulis pada tahun 2001 ketika pemuliharaan semula bangunan masjid tersebut, azimuth kiblat masjid tersebut adalah $303^{\circ} 54' 08''$ (menggunakan theodolite), dan azimuth qiblat bagi kedudukan masjid tersebut ($\phi=1^{\circ} 18' 17''$, $\lambda=103^{\circ} 51' 12''$) adalah $292^{\circ} 51' 31''$. Dengan lain perkataan, kedudukan arah qiblatnya selisih sebanyak $11^{\circ} 02' 30''$ ke arah selatan.

Adakah perselisihan begitu banyak dibenarkan?

Jenis Arah Qiblat

Ulama Fiqh bersepakat membahagikan arah qiblat kepada 2 jenis:

- 1) 'Ain Qiblah (arah yang tepat ke Kaabah)
- 2) Jihah Qiblah (se arah dengan Masjidil Haram atau Mekkah)

Bagi mereka yang dapat melihat Kaabah, maka wajib atasnya untuk mengadap 'Ain Qiblah. Dan bagi mereka yang jauh dari Kaabah dan tidak dapat melihatnya, maka mengikut mazhab-mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali, ia hanya perlu mengadap Jihah Qiblah. Bagi mazhab Syafii pula, mengikut pendapat asal Imam Syafii r.a, wajib mengadap 'Ain Qiblah. Tetapi mengikut pendapat yang masyhur dalam mazhab Syafii, ia hanya perlu mengadap Jihah Qiblah.

Buku-buku Fiqh menerangkan bahawa pemalingan ke kanan dan ke kiri dari Jihah Qiblah tidak membatalkan solat, kerana ia di anggap sebagai masih lagi dalam Jihah Qiblah. Persoalannya adalah: berapa luaskah bidang sudut Jihah Qiblah?

Penulis belum terjumpa mana-mana nas dari buku-buku Fiqh mazhab Maliki, Syafii dan Hambali yang menerangkan secara terperinci tentang bidang sudut Jihah Qiblah. Akan tetapi apa yang didatangkan adalah kaedah berikut:

Selagi mana garisan lurus yang keluar dari dahi kita yang melengkung melintasi Kaabah, maka kita masih dianggap berada dalam Jihah Qiblah.

Dengan ini, bidang sudut bagi Jihah Qiblah adalah 180°. Ini diperkuatkan lagi oleh pendapat Imam Nawawi dalam kitab Majmu' Syarh Muhazzab bahawa selagi tidak bertukar arahnya dari timur ke barat (atau sebaliknya) maka ia masih berada dalam Jihah Qiblah, kerana dahi manusia melengkung. Dan dalam kitab Fiqh kontemporari, *The Reliance of the Traveller*, oleh Syeikh Nuh Hamim Keller, dalam terjemahannya dan komentarnya terhadap teks buku Umdah As-Salik (dalam mazhab Syafii), beliau mengatakan bahawa jihah qiblah adalah 180°.

Adapun dalam mazhab Hanafi, penulis ada terjumpa nas yang menerangkan secara terperinci tentang penentuan Jihah Qiblah. Nasnya adalah seperti berikut:

وجهتها (أي القبلة) أن يصل الخط الخارج من جبين المصلي إلى الخط المارّ بالكعبة على استقامة بحيث يحصل قائمتان. أو نقول: هو أن تقع الكعبة فيما بين خطين يلتقيان في الدماغ فيخرجان إلى العينين كساقين مثلث، كذا قال التحرير التفتازاني في شرح الكشاف، فيعلم منه أنه لو انحرف عن العين انحرفاً لا تزول منه المقابلة بالكلية جاز، ويؤيده ما قال في الظهيرية: إذا تيامن أو تياسر تجوز، لأن وجه الإنسان مقوس، لأن عند التيامن أو التياسر يكون أحد جوانبه إلى القبلة.

(حشوية رد المحتار على الدر المختار، ج ١ ص ٢٥٩)


Maksudnya: Dan Jihah Qiblat ditentukan dengan cara bertemunya sebuah garisan yang keluar dari dahi orang yang solat tersebut dengan garisan yang lalu di atas Kaabah, sehingga terjadi seperti dua kaki. Atau dengan lain perkataan: Kaabah terletak di antara dua garisan yang bertemu di otak, dan keluar dari dua mata, dan terbentuk seperti dua kaki tiga segi. Begitulah yang dikatakan oleh At-Tahrir At-Taftazani dalam kitab Syarh al-Kashaf. Maka dari sini dapat diketahui bahawa pemalingan dari Ain Qiblah yang mana tidak terkeluar dari keseluruhan Jihah Qiblat dibenarkan. Dan ini dikuatkan pula dengan apa yang dikatakan oleh Az-Zahiriyyah: Jika seseorang berpaling ke kanan atau ke kiri, ia dibenarkan, kerana wajah manusia melengkung, dan ketika pemalingan ke kanan dan ke kiri tersebut, ada bahagian dari wajahnya yang masih menghadap Qiblat.

(Hasyiah Rad al-Muhtar 'Ala ad-Dur al-Mukhtar, juz 1, ms 659)

Cara yang diterangkan di atas adalah berikut:

- 1) Buat garisan yang keluar dari pertengahan dahi sehingga selari dengan Ka'abah
- 2) Buat dua garisan yang keluar dari mata kanan dan kiri.
- 3) Kedua garisan tersebut bertemu dengan garisan pertama (1) di tengah-tengah kepala.

Lihat rajah di bawah:



jm : Jarak antara mata

r: radius kepala di bahagian dahi

x: sudut antara Ain' Qiblah dan garisan yang melalui sebelah mata.

Mengikut perkiraan penulis (menggunakan rumusan Sinus), sudut x adalah sekitar 30°.*

Dengan ini, sudut maksimum yang dibenarkan untuk seseorang berpaling dari 'Ain Qiblah adalah 30° ke kanan, atau 30° ke kiri. Lebih dari 30° maka dianggap orang tersebut sudah lari dari Jihah Qiblah.

Penutup

Penulis menyarankan agar dalam penentuan bidang Jihah Qiblah, adalah lebih baik diguna-pakai perkiraan yang telah diterangkan diatas mengikut Mazhab Hanafi, iaitu sekitar 30° (ke kanan dan ke kiri). Ini adalah kerana ia lebih berhati-hati (ihtiyat) dari mengguna pakai pendapat dalam mazhab lain di mana bidang Jihah Qiblah adalah 180°.

Jika diambil kira sudut Jihah Qiblah 30° tersebut, maka mana-mana masjid yang terbina atas arah Qiblat yang tersasar dari 'Ain Qiblah dengan perselisihan kurang dari 30°, ia dianggap masih boleh digunakan untuk solat.

Adakah patut mihrabnya diubah agar mengikut perkiraan alat moden dalam menentukan arah 'Ain Qiblah? Mengikut pendapat dalam semua mazhab, jika seseorang itu mampu menentukan 'Ain Qiblah dengan ijtihadnya, maka dia wajib mengikut ijtihadnya. Tetapi bagi orang yang tidak mampu melakukan demikian, maka cukup baginya untuk mengadap Jihah Qiblah.

*Untuk melakukan perkiraan sendiri, tentukan saiz kepala anda di bahagian dahi. Kemudian gunakan formula $2\pi r$ untuk menentukan jejari kepala anda. Kemudian, tentukan jarak antara dua biji mata hitam anda. Bahagikan jarak tersebut kepada dua (j). Gunakan angka tersebut dengan r bagi mencari sudut x, dengan menggunakan rumusan sinus: $\sin x = j/r$.

Dengan demikian, bagi orang awam yang tiada kemampuan menentukan ‘Ain Qiblah, solatnya tetap sah di masjid-masjid yang tersasar ‘Ain Qiblahnya. Tetapi tidak bagi mereka yang mampu mengira dan menentukan arah Qiblat sebenar.

Saranan penulis adalah, masjid-masjid yang sudah tua, jika tidak dirobohkan dan dibina semula, maka tidak perlu menyemak arah Qiblahnya. Ini adalah atas alasan-alasan berikut:

- a) Dalam semua mazhab, jika sudah ada mihrab yang dibina oleh orang Islam, maka mihrab tersebut digunakan sebagai arah Qiblah, dan tidak perlu berijtihad lagi menentukan arah Qiblah.
- b) Jika diubah arah Qiblah bagi masjid yang tidak dibina semula, maka perubahan tersebut akan menjadi fitnah bagi jemaah masjid tersebut yang kurang berpengetahuan. Maka akan timbul berbagai persoalan tentang bagaimanakah solat mereka sebelum ini, mengapa baru sekarang hendak diperbetulkan, apakah perselisihan sedikit tersebut menjejaskan solat, manakah satu yang betul qiblah yang lama atau baru, dan berbagai lagi.

Akan tetapi, bagi masjid-masjid tua yang dibina semula setelah dirobohkan, maka wajib bagi pihak berkuasa menggunakan apa sahaja daya dan upaya untuk menentukan arah Qiblah yang sebenar (‘Ain Qiblah).

Wallahu ‘alam.

Firdaus bin Yahya
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Jun 2004